

KEADILAN MASYARAKAT DALAM ISLAM

Barang siapa mengkaji Islam dengan sedalam-dalamnya nescaya akan terserlah di hadapannya suatu agama yang cukup sempurna susunan dan undang-undangnya bagi menjamin dan mewujudkan keadilan masyarakat yang pada zaman ini sedang menjadi suatu lagu yang amat digemari oleh orang ramai, bahkan telah menjadi modal dakwah kepada puak-puak yang menamakan dirinya sosialis.

oleh Jāfar Al-Bār

Keadilan di dalam Islam bukan hanya mengenai masyarakat sahaja malahan mengenai segala segi hidup. Islam gemarkan keadilan itu di dalam kepercayaan (akidah), dalam masyarakat, dalam pembahagian kekayaan, di dalam perhubungan suami isteri, di dalam perhubungan di antara seorang dengan seorang lain, dalam perhubungan di antara sebuah negara dengan negara lain, dalam perhubungan di antara sepuak dengan sepuak lain dan dalam lain-lain hal lagi. Keadilan itu adalah menjadi tumpuan Islam sama ada dengan sifatnya sebagai suatu agama atau suatu peraturan dan susunan hidup.

Di sini saya tiada akan mencuba membentangkan keadilan Islam yang berbagai-bagai itu. Malahan saya hanyalah akan membicarakan satu sahaja daripadanya. Iaitu keadilan masyarakat. Itu pun saya tiada akan membentangkan melainkan tanda keadilan masyarakat yang nyata di dalam Islam iaitu zakat, kerana kebetulan pula kita sedang di dalam bulan Ramadhan, yang akan diakhiri dengan suatu ibadah, iaitu zakat fitrah.

Adapun zakat itu ialah suatu rukun (tiang) masyarakat yang zahir sekali di antara rukun-rukun Islam yang lain.

Zakat itu adalah suatu hak yang dituntut daripada harta. Zakat itu adalah ibadah dari satu pihak dan kewajipan masyarakat dari satu pihak yang lain atau dengan lain perkataan adalah zakat itu suatu kewajipan masyarakat yang merupakan ibadah (*wajib ijtimā'i ta'badī*)

Zakat maknanya pada loghat ialah membersihkan dan menambahkan

ia pembersih batin dan tanggungan, kalau ditunaikan dan juga ia pembersih jiwa dan hati daripada tabiat kikir dan sukakan diri. Demikian juga zakat itu pembersih harta kerana harta yang tiada dikeluarkan zakatnya adalah bercampur dengan haram.

Oleh sebab zakat itu ada mengandungi makna ibadah, maka Islam tiada mewajibkannya atas orang-orang kafir dhimmi (orang-orang kafir yang dinaung oleh negara Islam) supaya Islam tidak dituduh memaksa orang lain beribadah secara yang ditentukan. Ini satu makna yang menunjukkan betapa halusnyanya dan seninya pandangan Islam atas sesuatu perkara itu, sehinggakan sesuatu kewajipan yang faedahnya terpulung kepada masyarakat-iaitu zakat-tidak diwajibkannya atas kafir zimmi, kerana kewajipan itu ada mengandungi makna ibadah. Lihatlah betapa adilnya Islam hatta perasaan orang lain tidak hendak diusiknya pada hal kalau Islam mewajibkan zakat itu atas kafir dhimmi, tentu mereka tiada keberatan, kerana zakat itu bukanlah ibadah seperti sembahyang tambahan pula faedahnya meliputi anggota-anggota masyarakat.

Zakat itu adalah hak bagi orang ramai yang ditanggung oleh seseorang yang mempunyai harta. Maksud mengambil zakat daripada orang yang berharta itu ialah supaya orang-orang yang tiada hak pun mendapat keperluan hidupnya dan sedikit daripada kemewahan hidup. Dengan jalan zakat ini Islam telah mentahkikkan sebahagian dairpada dasarnya yang am, iaitu yang terkandung di dalam ayat: "*Kī lā yakūn dawlat*

bain al-ighniyā' minkum” Ertinya: “ Supaya kekayaan itu tiada hanya berpusing-pusing di tangan orang-orang kaya daripada kamu sahaja” yakni Islam menurut ayat ini tiada suka kekayaan itu dibolot atau dimonopoli oleh beberapa orang yang tertentu.

Sebabnya Islam tiada gemarkan pembetulan seumpama itu ialah kerana ia tak suka melihat orang ramai hidup papa dan miskin. Islam mewajibkan supaya tiap-tiap seorang itu mendapat keperluan hidupnya yang mencukupi, sama ada dengan jalan usaha ikhtiarnya sendiri. Kalau ia ada daya upayanya, atau dengan jalan memperolehinya daripada orang yang berharta, kalau ia tiada berdaya upaya dengan sebab sakit atau tua atau lain-lain.

Islam tiada suka. Malahan benci melihat perbezaan-perbezaan yang jauh di antar kelas-kelas manusia. Ia tiada suka melihat suatu kelas itu hidup mewah semewah-mewahnya, manakala suatu kelas yang lain pula hidup merana dan sengsara sebab kepapaannya. Islam lebih-lebih benci melihat adanya di dalam sesuatu masyarakat itu orang-orang yang berhias dengan lebih-lebih pada hal di samping mereka hidup orang-orang yang bogel, kebulur dan sakit. Masyarakat yang ada orang-orang seumpama ini, Islam enggan mengakuinya masyarakat Islam sebagaimana sabda Rasulullah salallahu alaihi wailaha wasalam: *“mā amin bī min bāt shab'an wajāruh jaw'ān wahuwaya 'lam.”* Ertinya “Tiadalah beriman kepada aku orang yang tidurlena pada malam hari dengan kenyang pada hal ia tahu jirannya lapar.”

Islam tiada sukakan perbezaan-perbezaan kelas seumpama itu, kerana akibatnya amat buruk, iaitu akan menanamkan benih benci, dendam, hasad dan dengki di kalangan anggota-anggota masyarakat yang akan menyebabkan masyarakat itu menjadi neraka hidup. Bukan sahaja kepada orang-orang yang fakir miskin bahkan kepada orang-orang kaya raya juga, yang sudah tentu akan mendapat gangguan yang tidak putus-putus daripada orang-orang yang tiada mempunyai keperluan hidup.

Oleh sebab itulah Islam mewajibkan zakat atas

harta kekayaan untuk dijadikan hak bagi orang yang patut menerimanya, bukan dijadikan sebagai pemberian belas kasihan daripada orang-orang yang berharta kepada yang tidak mempunyai keperluan hidup.

Dengan memerhatikan delapan asnaf yang patut menerima zakat itu, maka jelaslah bahawa tujuan zakat yang sebenarnya ialah untuk melegakan kehidupan orang-orang yang susah.

Bantuan zakat ini adalah suatu jaminan masyarakat bagi tiap-tiap seorang yang membanting tulang urat tetapi hampa dan kecewa atau mendapat tetapi tiada mencukupi. Atau pun mendapat sekadar yang cukup-cukup sahaja sehingga tiada peluang baginya merasa sedikit daripada nikmat dan kemewahan hidup.

Tiada syak lagi bahawa zakat dengan cara dan susunannya yang tertentu itu berkehendakkan suatu badan yang mentadbirkannya, iaitu badan yang akan berusaha mengumpul dan mendapatkannya dan kemudian akan membahagi-bahagikannya yang berhak menurut maslahat am yang ada pada sesuatu tempat atau zaman. Badan yang dikehendakinya ini tiadalah dapat menjalankan tanggungannya kecuali badan itu mempunyai kuatkuasa yang cukup yang diberikan kepadanya oleh kerajaan atau pemerintah yang ada dengan kenyataan ini nyatalah bahawa bagi kesempurnaan pentadbiran zakat itu perlulah kepada negara Islam yang tulen, yang hanya ialah jua yang sanggup menurunkan kuat kuasa pemungutan dan pembahagian zakat itu. Sebagaimana yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan zaman ini yang mewajibkan cukai pendapatan untuk menutup perbelanjaan negara.

Zakat ini bukanlah seperti cukai pendapatan yang digunakan kerana mencukupkan perbelanjaan kerajaan malahan zakat ini ditujukan khas bagi perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat dan menolong fakir miskin serta melegakan kesempitan seseorang yang jatuh dalam kesusahan.

Sungguhpun zakat ini suatu ibadah, tetapi cara mengumpulnya dan membahagi-bahagikannya tiadalah mesti mengikut suatu cara yang tertentu. Malahan bolehlah diubah-ubah caranya itu mengikut apa sahaja yang lebih berfaedah bagi sesuatu

tempat atau keadaan atau masa. Umpamanya pada suatu tempat tiada orang-orang fakir miskin di situ. Maka habuan mereka itu bolehlah dipindahkan kepada bahagian-bahagian yang lain seperti kepada “*sabil Allāh*”.

Pendek kata zakat itu sungguhpun telah ditentukan jenis-jenis orang yang patut menerimanya. Tetapi pihak yang berkuasa ada hak bagi mengutamakan atau melebihkan sesuatu sanaf itu kiranya didapati mustahak diperbuat demikian. Sungguhpun zakat itu telah dibahagikan kepada delapan bahagian iaitu bagi tiap-tiap bahagian itu satu perdelapan. Tetapi pihak yang berkuasa bolehlah memulangkan dua atau tiga perdelapan atau pun lebih kepada suatu jurusan sahaja. Kiranya yang demikian itu ada mengandungi maslahat, maka tidak mesti sesuatu bahagian itu dipengapakan atau dibekukan hingga ada orang yang telah ditentukan oleh syarak untuk menerimanya. Hasil zakat itu tiada boleh dibekukan atau disimpan dalam khazanah. Malahan wajib ia diputar atau diperedarkan bagi memperbaiki hal keadaan masyarakat. Hasil zakat tidak menerima pembekuan, bahkan sebaliknya ia adalah mesti


mengalir menyiram mana-mana tempat yang kering dalam masyarakat orang-orang Islam. Inilah faedah dan gunanya zakat itu.

Kita yang di Malaya ini, kekurangan yang terbesar sekali dan tempat yang kering kontang di dalam masyarakat kita ialah medan pelajaran, maka alangkah bertuahnya kiranya hasil pendapatan zakat itu ditumpukan dengan seluas-luasnya ke arah pelajaran. Sungguhpun masyarakat Islam di dalam negeri kita ini banyak tempat-tempatnya yang kering yang wajib disiram dengan pendapatan zakat itu, tetapi sebab kekeringan itu ialah kejahilan kebanyakan orang-orang kita. Oleh sebab itu jika ilmu pengetahuan itu telah merebak dan meliputi orang-orang kita nescaya kekeringan-kekeringan tadi akan dapat selesai dengan sendirinya.

Zakat ini sebagai suatu peraturan masyarakat adalah sangat-sangat berguna bukan sahaja kepada orang-orang Islam malahan kepada yang bukan Islam juga. Selama dunia ini tiada memakai zakat sebagai suatu peraturan dalam pentadbiran negara. Maka selama itulah huru hara akan berlaku terus menerus dan perjuangan kelas-kelas manusia tiada berhenti-henti.

Setengah-setengah ahli fikiran di Barat, telah menegaskan bahawa dunia ini tiada akan aman tenteram melainkan dengan menggunakan peraturan zakat Islam. George Barna Rush ahli persuratan Inggeris yang terkemuka dalam kurun yang ke belakang ini, pada waktu dunia menghadap zaman meleset kira-kira dua puluh tahun yang lalu, telah berkata: bahawa ubat zaman meleset ini ialah memakai peraturan-peraturan Islam tentang zakat dan membuang cara mengambil riba.

Demikianlah keindahan dan kepentingan agama kita pada pandangan orang-orang yang bukan Islam. Maka kita sebagai umat Islam, wajiblah bukan sahaja memuji-muji kebaikan Islam, tetapi hendak mengamalkan peraturan-peraturannya.



Suatu jawatankuasa tentang negara Islam di Indonesia yang dilantik oleh muktamar mubaligh Islam di Medan baharu-baharu ini sedang berunding. Mereka itu ialah Rahmah al-Yunsih, Arshad Tahir Lubis, al-Syeikh Ibrahim Musa Perabik dan lain-lain- gambar

“Raya” Foto Servis Medan.